

**Tarikh Dibaca: 07 Mac 2025M | 06 Ramadhan 1446H**



**ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE**

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“SENTUHAN RAMADHAN DALAM  
ZAKAT FITRAH”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

## "SENTUHAN RAMADHAN DALAM ZAKAT FITRAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَعَاتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا  
لِأَنْفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٠﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِيهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٦٢﴾<sup>2</sup>

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 110

<sup>2</sup> Ali-'Imran: 102.

diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"SENTUHAN RAMADHAN DALAM ZAKAT FITRAH"**.

**Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Bulan Ramadhan itu amat bermakna bagi seluruh umat Islam, kerana di penghujungnya adalah hari kegembiraan yang dinanti-nantikan buat kita semua, iaitu Hari Raya Eidulfitri. Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW menyatakan, bagi orang yang berpuasa itu ada dua kegembiraan. Pertama, saat dia berbuka puasa termasuklah pada hari raya dan kedua saat dia bertemu Allah SWT.

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ فَرْحَةٌ عِنْدَ فِطْرِهِ وَفَرْحَةٌ عِنْدَ لِقَاءِ رَبِّهِ.

*"Dua kegembiraan bagi orang yang berpuasa, iaitu kegembiraan ketika dia berbuka puasa dan kegembiraan ketika dia dapat berjumpa dengan Tuhannya."*

*(Riwayat Muslim).*

Mengingati kehadiran bulan Ramadhan dan juga Hari Raya Eidulfitri, maka kita tidak dapat lari daripada satu ibadah penting, iaitu zakat fitrah. Ibadah zakat fitrah adalah bersifat wajib bagi semua orang Islam sama ada lelaki ataupun perempuan, merdeka ataupun hamba, miskin ataupun kaya.

Syaratnya, hendaklah mereka itu dapat hidup pada dua masa walaupun sekejap, iaitu pada penghujung Ramadhan dan juga awal Syawal. Disyaratkan juga mereka mestilah mempunyai kecukupan makanan bagi diri dan tanggungannya, sehari semalam sepanjang satu Syawal. Zakat fitrah itu pula ditunaikan dengan satu matlamat, iaitu agar golongan fakir dan miskin juga dapat bersama-sama bergembira menyambut Hari Raya. Inilah sentuhan Ramadhan yang amat bermakna, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis di atas.

Ibnu Umar Radiallahuanhuma menjelaskan sebagaimana berikut:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ  
صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى الْعَبْدِ وَالْحُرِّ، وَالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى،  
وَالصَّغِيرِ وَالْكَبِيرِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَأَمَرَ بِهَا أَنْ تُؤَدَّى قَبْلَ  
خُرُوجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ

*“Rasulullah SAW mewajibkan zakat fitrah dengan satu gantang kurma atau satu gantang gandum bagi setiap muslim yang merdeka mahu pun hamba, laki-laki mahu pun perempuan, anak kecil mahu pun dewasa. Zakat tersebut diperintahkan untuk ditunaikan sebelum orang-orang keluar bagi mendirikan solat hari raya.”*

*(Riwayat al-Bukhari).*

## **Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,**

Antara cabaran terbesar dalam pelaksanaan zakat fitrah ialah memastikan ia benar-benar sampai kepada golongan fakir dan miskin, selaras dengan ketetapan Mazhab Syafie yang mengutamakan mereka sebagai penerima utama zakat fitrah. Agihan zakat fitrah juga perlu dilakukan lebih awal, agar mereka dapat memanfaatkannya untuk memenuhi keperluan menjelang Hari Raya. Sekiranya agihan zakat fitrah dilengahkan, ia akan menyukarkan fakir dan miskin mendapatkan keperluan mereka pada waktunya. Hal ini pasti merencatkan kegembiraan yang sepatutnya turut mereka rasai pada hari yang mulia itu.

Sebagai umat Islam, kita digalakkan agar menunaikan zakat fitrah lebih awal, tanpa perlu menunggu sehingga terbenamnya matahari pada akhir Ramadhan. Menurut Mazhab Syafie, hukum menunaikan zakat fitrah adalah sah jika dilakukan sejak awal Ramadhan dan tidak semestinya ditunaikan pada malam satu Syawal atau pagi hari raya.

Hakikatnya, kita perlu menunaikan zakat fitrah dengan mengutamakan di Negeri Selangor terlebih dahulu, memandangkan keperluan fakir miskin di negeri ini amat besar. Selangor merupakan tumpuan utama rakyat Malaysia untuk mencari rezeki dan menetap, menjadikannya negeri yang menampung populasi yang ramai dan pelbagai latar belakang.

Apabila berlaku gangguan ekonomi, khususnya kesan jangka panjang pandemik Covid-19, ramai penduduk di Selangor terjejas akibat kehilangan pekerjaan dan penutupan perniagaan. Golongan ini perlu dibantu agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dan, lebih baik lagi, diberikan bantuan

modal supaya mereka mampu keluar daripada belenggu kemiskinan. Inilah sebab utama mengapa kita perlu menunaikan zakat fitrah di Selangor.

Selain itu, Selangor yang berstatus negeri maju turut menghadapi cabaran kos sara hidup yang jauh lebih tinggi berbanding negeri-negeri lain. Had al-kifayah atau keperluan minimum untuk kelangsungan hidup seperti makanan, pakaian, dan tempat tinggal, di negeri ini meningkat dengan ketara. Malah, pendapatan isi rumah sebanyak RM3,500 sebulan juga boleh dikategorikan sebagai asnaf jika mereka mempunyai ramai tanggungan.

Data yang dikeluarkan oleh Lembaga Zakat Selangor bagi tahun 2024 menunjukkan peningkatan jumlah keluarga miskin yang tidak mampu menyara diri dan keluarga, yang kini telah mencecah lebih daripada 71 ribu keluarga. Namun, kutipan zakat fitrah bagi tahun 2024 hanya sekitar RM41 juta, hakikatnya jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan asnaf fakir dan miskin, khususnya bagi menyambut Hari Raya dengan lebih sempurna.

### **Sidang muslimin yang berbahagia,**

Zakat fitrah adalah kesinambungan daripada ibadah puasa Ramadhan, yang mengajarkan kita tentang keperitan menahan lapar seperti yang dirasakan oleh golongan miskin. Atas hikmah inilah, datang kewajipan zakat fitrah yang menggalakkan kita bersedekah dan membantu mereka yang memerlukan. Puasa juga mendidik jiwa agar menjadi insan yang lebih bertakwa dengan membersihkan diri daripada dosa. Salah satu cara penyucian dan penghapusan dosa tersebut adalah melalui pelaksanaan kewajipan zakat fitrah.

Daripada Ibn Abbas Radiallahuanhuma katanya:

فَرَضَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ  
اللَّغْوِ وَالرَّفَثِ، وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِينِ...

*“Rasulullah SAW telah memfardukan zakat fitrah sebagai penyucian bagi orang yang berpuasa daripada sebarang perkara lagha (lalai) dan keji serta memberi makan kepada orang-orang miskin.”*

*(Riwayat Abu Daud).*

Puasa juga melatih kita menjadi orang yang lebih lembut hatinya, sehingga lebih sensitif dengan keperluan orang lain. Maka, zakat fitrah merupakan peluang untuk kita membuktikan kelembutan hati dengan mengeluarkan zakat fitrah, bukan sekadar dengan harga asas tetapi dengan harga yang lebih sesuai dengan kemampuan diri kita. Atas dasar itu, fatwa telah menetapkan bahawa kadar zakat fitrah pada tahun ini adalah RM7 dan digalakkan untuk membayar RM15 dan RM22. Bagi mereka yang mampu, sebaik-baiknya hendaklah menunaikan zakat fitrah dengan harga yang lebih tinggi mengikut jenis beras atau nasi yang dimakan.

Oleh yang demikian, marilah bersama-sama kita berazam untuk menunaikan zakat fitrah lebih awal pada tahun ini dan berusaha melebihi bayaran zakat fitrah mengikut kemampuan sebenar diri kita. Semoga zakat yang kita tunaikan ini dapat menggandakan kegembiraan golongan fakir dan miskin pada Hari Raya, sekaligus menjadi sentuhan Ramadhan yang benar-benar bermakna buat mereka.

## Sidang Jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah mengambil cakna akan kewajipan membayar zakat fitrah dan perlu diberi perhatian sepanjang bulan Ramadhan yang mulia ini, dengan menunaikannya lebih awal tanpa menunggu hingga saat akhir.

2. Umat Islam digalakkan membayar zakat fitrah pada kadar yang sesuai dengan kemampuan sebenar supaya lebih ramai golongan fakir dan miskin dapat memanfaatkan dana yang disalurkan untuk memenuhi keperluan Hari Raya nanti.

3. Umat Islam hendaklah menunaikan zakat fitrah melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS) atau Penolong Amil Fitrah yang dilantik secara rasmi, bagi memastikan agihan zakat dilakukan dengan teratur, telus, dan sampai kepada golongan asnaf yang berhak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ  
وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ ﴿٥٥﴾

*"Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah dan Rasul-Nya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan solat dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)".*

*(Surah al-Maidah: 55).*





بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا  
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ  
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ  
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا  
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ  
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ  
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri

kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾  
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾  
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



ISLAMIC SAVIOUR OBEEDIENCE

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.